

MAJLIS PELANCARAN LOGO PERKASA PERWIRA

airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3053-majlis-pelancaran-logo-perkasa-perwira

KUALA LUMPUR, 15 Feb 18 - Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi bin Buang TUDM telah menghadiri Pelancaran Logo Perkasa Perwira yang disempurnakan Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein bertempat di Wisma Perwira ATM. YB MenHan dan kepimpinan tertinggi Kementerian dan ATM telah memutuskan agar satu identiti diwujudkan bagi memastikan segala perancangan mencapai objektif yang disasarkan. Identiti ini dinamakan Perkasa Perwira.

Secara ringkasnya, perkataan 'Perkasa' melambangkan usaha memperkukuh dan menambah baik. Manakala perkataan 'Perwira' pula melambangkan pahlawan dan pejuang yang terdiri daripada warga ATM, veteran ATM serta warga awam MinDef. Perkasa Perwira membawa maksud 'pengukuhan kepada warga ATM dan MinDef'. Inisiatif Perkasa Perwira ini merupakan inisiatif turun padang ke seluruh negara yang dilaksanakan dengan bersandarkan 2 objektif utama.

Pertama, bagi membolehkan YB MenHan dan kepimpinan tertinggi MinDef dan ATM memantau setiap projek, inisiatif dan program yang telah dirancang agar ia dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh oleh pihak yang telah diberikan amanah dan tanggungjawab.

Kedua, membolehkan YB MenHan dan kepimpinan tertinggi MinDef dan ATM berinteraksi yang berada di akar umbi agar segala perancangan yang dilaksanakan dapat dirasakan, dihargai dan disokong oleh golongan sasar.

Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohd Radzi, Panglima Angkatan Tentera, YM Jen Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor, Panglima Tentera Darat, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Zulkiple bin Hj Kassim, Panglima Tentera Laut, YBhg Laksamana Tan Sri Ahmad Kamarulzaman bin Hj Ahmad Badaruddin, Veteran-veteran ATM, Pegawai-pegawai kanan Kementerian dan ATM.





